

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Jawapan Soalan 4

(a) Apakah maksud ekuiti pemilik perniagaan?

Maksud ekuiti pemilik perniagaan:
--

Ekuiti pemilik perniagaan adalah hak tuntutan pemilik terhadap aset perniagaan. Ia juga boleh dikatakan sebagai “hutang” perniagaan terhadap pemilik.

(b) Nyatakan tiga akaun yang menjadi komponen ekuiti pemilik.

Komponen Ekuiti Pemilik

- | |
|----------------------|
| 1. Akaun modal |
| 2. Akaun ambilan |
| 3. Akaun untung rugi |

(c) Berikan dua urus niaga yang akan menambahkan ekuiti pemilik dan dua urus niaga yang akan mengurangkan ekuiti pemilik.

Urus niaga yang menambahkan ekuiti pemilik	Urus niaga yang mengurangkan ekuiti pemilik
1. Tambahan modal oleh pemilik	1. Ambilan oleh pemilik
2. Untung bersih perniagaan (Hasil > Belanja)	2. Rugi bersih perniagaan (Hasil < Belanja)

(d) Peraturan catatan bergu menetapkan bahawa akaun modal akan di.....(1)..... apabila ekuiti pemilik bertambah dan di.....(2)..... apabila ekuiti pemilik berkurang. Apakah 1 dan 2?

- | |
|--------------|
| 1. Kreditkan |
| 2. debitkan |